



## KE ARAH PENCAPAIAN TANAMAN SAWIT BERKUALITI



*Penanaman berkualiti penting untuk menjamin kemampanan dan kesejahteraan industri sawit*

### KANDUNGAN

Ke Arah Pencapaian Tanaman Sawit Berkualiti	1
Dari Meja Ketua Penyunting	2
Diari UPPK & P1	4
Kuiz Sawit	5
Kenalilah... <i>Penanaman Sawit Di Kawasan Berbukit</i>	6
Profil Komoditi Sawit	7
Sudut Teknologi - <i>Kepadatan Tanaman Sawit Yang Optimum</i>	8
Berita Bergambar	10-11
Kemusykilan Penanam Sawit	14
Sedutan Akhbar	15
Dari Dapur PORIM	16
Tahukah Anda	17
Peladang Jaya	18

**P**enanaman sawit di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya semenjak lima dekad yang lalu. Daripada 54 638 hektar pada tahun 1960, keluasan tanaman sawit telah meningkat kepada 3 078 116 hektar pada penghujung tahun 1998. Perkembangan ini telah membawa pembangunan yang bermakna kepada negara khususnya mereka yang terlibat secara terus dengan industri ini.

Penanaman sawit dipelopori oleh ladang swasta, ladang agensi kerajaan dan pekebun kecil. Pada masa kini, pengeluaran purata buah tandan segar (BTS) oleh ladang swasta, ladang agensi kerajaan dan pekebun kecil adalah masing-masing 21 tan, 16 tan dan 8 tan sehektar setahun. Pencapaian hasil yang tinggi oleh ladang swasta berkait rapat dengan kualiti pengurusan ladang yang diamalkan.

### Teknologi Asas

Jurang perbezaan pengeluaran antara sektor-sektor adalah tinggi dan telah berlaku terlalu lama dan perlu diperbetulkan. Ini boleh dicapai oleh ladang agensi dan pekebun kecil melalui pendekatan tanaman sawit berkualiti. Intipati kepada penanaman berkualiti ialah menerimaguna semua teknologi asas yang sukar diubah

*bersambung di muka surat 2*



## Sidang Pengarah

PENASIHAT  
Datuk Dr Yusof bin Basiron  
Ketua Pengarah PORIM

PENGERUSI  
Dr Ariffin bin Darus

KETUA PENYUNTING  
Tn Hj Mohd Tayeb bin Dolmat

PENYUNTING  
Tn Hj Suboh bin Ismail  
Ab Aziz bin Md Yusof  
Dr Mohd Basri bin Wahid  
Dr N Rajanaidu

SETIAUSAHA  
Tn Hj Idris bin Hj Omar

sambungan dari muka surat 1

selepas penanaman dilaksanakan di samping menerimaguna teknologi rutin dari semasa ke semasa.

Tanaman sawit mempunyai jangka hayat ekonomik selama lebihkurang 25 tahun. Sebagai tanaman yang mempunyai jangka hayat ekonomik yang panjang, menerimaguna teknologi asas adalah penting. Empat teknologi asas yang dikenalpasti penting ialah: (i) penyediaan tanah, (ii) anak benih, (iii) kepadatan tanaman, dan (iv) penanaman anak benih.

Untuk merapatkan jurang perbezaan pengeluaran sawit antara ladang agensi dan pekebun kecil, kepentingan teknologi asas untuk jangkamasa panjang perlu difahami.

### Penyediaan Tanah

Penyediaan tanah termasuk menyediakan keperluan infrastruktur dan pemulihan tanah. Antara infrastruktur penting yang dimaksudkan ialah pembinaan teres, parit, jalan pertanian, jambatan dan pagar.

Teres mengikut spesifikasi yang biasa disyorkan ialah di kawasan bercerun melebihi 10°. Ini penting sebagai langkah meningkatkan



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Kos pengeluaran minyak sawit di seluruh negara terus meningkat disebabkan peningkatan kos buruh dan input-input pertanian seperti baja, racun kimia, peralatan jenteru dan lain-lainnya. Dalam situasi yang penuh cabaran ini memerlukan semua yang terlibat dengan industri sawit daripada yang membuat polisi, penanam, pengilang dan lain-lain supaya lebih efisien dan berkesan dalam melaksanakan fungsi masing-masing.

Kalau di peringkat ladang, pertumbuhan sawit yang baik dan pengeluaran hasil buah landan segar (BTS) yang tinggi dengan kos pengeluaran yang terendah merupakan matlamat utama. Untuk mencapainya, pelaksanaan kerja kerja yang berpandukan kepada teknologi terkini adalah penting.

Dalam situasi sebenar masa kini, sementara kos pengeluaran telah meningkat dengan ketara, hasil BTS yang diperolehi secara umumnya masih rendah dan tidak berganjak. Purata hasil sawit negara adalah dalam lingkungan 18-22t/hek/tahun BTS jauh lebih rendah kalau dibandingkan dengan potensi genetik 50-60t/hek/tahun BTS. Hasil yang lebih realistik unturu 30-35t/hek/tahun pernah diperolehi oleh sektor-sektor tertentu. Ini menandakan tiada halangan biologiikal untuk memperolehi hasil yang tinggi di Malaysia dan skop bagi meningkatkan hasil BTS adalah luas. Hasil BTS sawit dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tanah, alam sekitar (hujan, suhu dan cahaya), amalan-amalan agronomi dan amalan-amalan pengurusan. Tambahan kepada kerja-kerja awal menyediakan kawasan, amalan-amalan agronomi seperti pengurusan tapak semaian (bagi menghasilkan anak benih sawit berkualiti baik), teknik menanam (termasuk sistem dan kepadatan menanam), tanaman penutup bumi, pembajaan (termasuk penggunaan bahan-bahan sampingan sawit seperti tandan kosong, efluen dan batang/pelepyah semasa tanam semula), pengurusan air, kawalan rumpai, perosak dan penyakit, pemangkasan dan penjarangan adalah penting diambil perhatian dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bagi menjamin hasil yang tinggi diperolehi. Penyediaan prasarana dan tenaga penuai yang mencukupi akan seterusnya menjamin kedapatan bulik hasil yang lumayan. Yang nyata ialah tidak ada mana-mana faktor ini yang boleh dikompromikan sekiranya hendak dapat pertumbuhan sawit yang baik dan penghasilan yang tinggi dan berkekalan.

BS

Bersambung di muka surat 3

penyimpanan air dan mengawal hakisan tanah. Atas hakikat inilah ada sektor perladangan yang membina teres pada cerun melebihi 3°. Parit ladang, parit pengumpul dan parit besar terutama di kawasan tanah gambut dan asid sulfat adalah penting untuk pengurusan air. Parit juga penting di kawasan paya/rendah bagi membantu menyalir keluar air berlebihan masa musim hujan.

Jalan pertanian, jambatan atau pembentung penting sebagai alat perhubungan. Tanpa jalan yang baik, input dan output ladang tidak dapat diuruskan dengan efisien.

Musuh tanaman seperti lembu, kambing dan babi adakalanya menjadi masalah, dan pembinaan pagar atau parit perangkap mungkin diperlukan.

Kekacang penutup bumi (KPB) telah dibuktikan boleh membantu meningkatkan kesuburan tanah melalui pengikatan nitrogen dan penambahan bahan organik. Walaupun penanaman KPB melibatkan penambahan kos, dalam jangka panjang ia menguntungkan dan penting dilakukan.

Sebagai alternatif kepada tanaman KPB, tanaman kontan yang sesuai boleh juga diusahakan di mana keadaan tanah mengizinkan. Ini adalah bertujuan memaksimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan pendapatan. Penanaman KPB atau pun kontan, secara tidak langsung juga dapat mengurangkan pertumbuhan rumpai.

Kesimpulannya, penyediaan tanah dan infrastruktur yang baik dapat membantu menyediakan asas ke arah pengurusan ladang, pertumbuhan dan penghasilan sawit yang baik.

### **Kepadatan Tanaman**

Kepadatan tanaman yang optimum juga merupakan salah satu faktor penting untuk mencapai penghasilan yang tinggi. Kepadatan tanaman umumnya bergantung pada kesuburan tanah dan topografi kawasan. Kepadatan yang rendah disyorkan untuk tanah yang subur kerana kadar pertumbuhan pokok yang tinggi. Kepadatan yang tinggi akan menyebabkan saingan antara pokok dan selanjutnya kejatuhan hasil.

Sebaliknya, kepadatan yang tinggi

disyorkan untuk tanah yang kurang subur dan berbukit. Ini bertujuan untuk mendapatkan hasil per unit kawasan yang tinggi pada peringkat awal pengeluaran melalui bilangan pokok yang lebih walaupun hasil daripada setiap pokok adalah rendah sedikit berbanding dengan hasil daripada pokok yang ditanam di kawasan tanah yang subur. Proses penjarangan pokok akan dibuat 10-12 tahun kemudian bagi mencapai matlamat meningkatkan hasil per pokok dalam jangka masa panjang.

Bagi menentukan kepadatan tanaman sentiasa berada pada paras yang optimum terutama semasa pokok masih muda, adalah disyorkan supaya kiraan jumlah ditanam pokok dibuat sebaik sahaja lubang tanaman siap ditanda. Pada peringkat ini, pengubahsuaian masih boleh dilakukan dengan mudah. Pengiraan kepadatan tanaman sebenar dibuat selepas semua anakbenih telah ditanam.

Kepadatan pokok yang optimum boleh dikekalkan dengan menyulam semua anak pokok yang mati atau anak pokok yang ditakai berdasarkan ciri-ciri yang tidak baik yang terlepas ke ladang semasa penakaian di tapak semaian.

### **Anakbenih**

Anakbenih yang berkualiti akan menjamin pertumbuhan pokok yang seragam, penyulaman yang rendah dan seterusnya memberikan hasil yang tinggi sepanjang hayat ekonomi pokok. Anakbenih berkualiti ialah anak benih komersil D X P (*tenera*) yang diperolehi daripada sumber yang diiktiraf dan berlesen.

Umur anakbenih yang disyorkan ialah antara 12-14 bulan. Pada peringkat umur ini, ia lebih tahan menghadapi kejutan tanaman di ladang dan tahan daripada serangan penyakit dan perosak. Tidak kurang penting juga ialah semua anakbenih berciri seperti pokok tirus, bantut, daun atas rata, daun tidak pecah, lai daun jarang/rapat, pelepah daun terkulai, lai daun tirus/pendek dan lebar ditakai semasa di peringkat tapak semaian.

*bersambung di muka surat 5*

## Kursus Sehari Kelapa Sawit

Sebanyak 24 kursus telah diadakan sehingga bulan Jun 1999 daripada 53 kursus yang telah dijadualkan. Kursus untuk bulan Julai hingga Disember 1999 yang berjumlah 29 kursus melibatkan RISDA sebanyak 15 kursus, FELCRA empat, FELDA tiga, Jabatan Pertanian dua, PPK satu dan agensi agensi lain seperti Pamol, Ladang Rakyat Terengganu dan Borneo Samudera sebanyak empat kursus. Tajuk kursus meliputi pelbagai aspek pengurusan kelapa sawit.

## Hari Peladang Sawit Jaya

Hari Peladang Sawit Jaya dijangka akan diadakan pada bulan November 1999 di Sabak Bernam, Selangor. Ia bertujuan untuk mempromosikan keupayaan dan kejayaan pekebun kecil mengurus ladang sawit dengan sempurna dan mencapai hasil yang tinggi melalui petak demonstrasi PORIM. Antara aktiviti utama yang akan diadakan ialah dialog, pameran dan lawatan ke petak demonstrasi. Majlis ini dijangka akan dirasmikan oleh YB Menteri Perusahaan Utama, Malaysia.

## Seminar

Satu seminar akan diadakan pada 26 - 27 Oktober 1999 di Hotel Equatorial, Bandar Baru Bangi, Selangor. Tajuk seminar ialah 'Peningkatan Produktiviti Sawit Melalui Amalan Pengurusan Agronomi Terkini'. Dijangka seramai 350 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai agensi kerajaan, swasta, pengusaha sawit

persendirian dan pekebun kecil akan menghadiri seminar ini. Sesiapa yang berminat menyertainya bolehlah berhubung terus dengan En. Mat Jamil Abd. Rahman. (Tel: 03 - 8282491)

## Program Radio

Sebanyak lima siaran radio telah diadakan bagi bulan Januari hingga Jun 1999. Bagi bulan Julai hingga Disember 1999, beberapa slot seperti di bawah telah diaturkan:

- Radio Malaysia Sabah sebanyak 13 siaran bermula dari 1 Julai hingga 23 September 99.
- Radio Malaysia Johor pada 28 Julai 1999.
- Radio Malaysia Kedah pada 2 November 1999.
- Radio Malaysia Kuala Lumpur rangkaian biru (Mandarin) pada bulan Ogos 99.

## Khidmat Nasihat dan Perundingan

Pegawai-pegawai UPPK & PT juga telah menjalankan beberapa lawatan khidmat nasihat, khidmat perundingan dan khidmat nasihat susulan ke ladang-ladang swasta, agensi dan pekebun kecil. Tujuan lawatan adalah untuk meningkatkan tahap pengurusan ladang dan hasil sawit. Anda boleh menghubungi UPPK & PT untuk mendapatkan khidmat ini melalui surat atau talian hotline sawit 03-8251122.

### Penanaman Anakbenih

Di kawasan tanah yang subur, saiz lubang 45cm x 45cm x 60cm adalah memadai. Di kawasan tanah bertekstur keras, lateritik atau berbatu, saiz lubang yang lebih besar berukuran 1.2m x 1.2m x 1.2m serta dibekalkan dengan tandan buah kosong ( TBK ) adalah disyorkan. Ini dapat memberi keadaan yang kondusif untuk pertumbuhan awal akar dan pokok.

Penanaman pokok hendaklah dilakukan pada awal musim hujan. Faktor ini hendaklah diambil kira semasa perancangan awal menanam sawit. Semasa menanam, adalah penting baja debu fosfat ditabur di dalam lubang dan digaul dengan tanah yang digunakan untuk mengambus lubang. Baja fosfat ini penting untuk keperluan awal pertumbuhan akar.

Anak sawit yang ditanam hendaklah tidak terlalu dalam atau terlalu cetek dan bahagian pucuk tidak terkambus. Sekiranya terdapat sumber TBK atau racikan batang sawit, adalah disyorkan supaya dibuat sungkupan di keliling anak pokok. Ini dapat bantu menyimpan air dalam tanah di samping membekal bahan organa bagi meningkatkan lagi kesuburan tanah.

### Kesimpulan

Selain daripada teknologi asas di atas, penanam sawit perlu juga menitikberatkan dan mengamalkan teknologi rutin. Teknologi rutin bermaksud teknologi yang diulang dari semasa ke semasa seperti pembajaan, kawalan rumpai, kawalan penyakit dan perosak, pemangkasan, penuaian dan penjarangan. Keberkesanan teknologi rutin ini sangat bergantung pada kualiti teknologi asas yang diamalkan.

Kepentingan teknologi asas ini perlu diambil perhatian oleh semua penanam kerana pelaksanaannya terikat pada masa yang spesifik (*time specific*). Sekiranya masa tersebut sudah dilewati, teknologi tersebut tidak dapat diamal dan dimanfaatkan.

Kegagalan mengamalkan teknologi asas oleh ladang agensi dan pekebun kecil pada masa yang lepas telah menyebabkan sebahagian besar daripada mereka mencapai prestasi hasil yang rendah. Oleh itu, PORIM sangat berharap penanaman sawit berkualiti dapat diberi perhatian oleh semua pihak demi merapatkan jurang perbezaan pengeluaran antara ladang swasta, ladang agensi dan pekebun kecil dan seterusnya meningkatkan prestasi industri sawit negara.

Sumbangan: Idris Hj. Omar



## ??????? **Kuiz Sawit** ????????

1. Berapakah umur sawit yang sesuai untuk diintegrasikan dengan ternakan lembu?
2. Berapakah kadar muatan lembu yang disyorkan ditenak di dalam ladang sawit?
3. Berapakah nisbah baka penjantan kepada ibu lembu yang disyorkan?
4. Berapakah anggaran keuntungan yang diperolehi daripada seekor bibit lembu dalam tempoh setahun?
5. Namakan tiga jenis bahan tanaman terbaru sawit yang dihasilkan oleh PORIM.

Jawapan di muka surat 19

# KENALILAH .....

## Penanaman Sawit Di Kawasan Berbukit

Penanaman sawit di kawasan berbukit yang berkecerunan melebihi 10° memerlukan pembinaan teres. Walau bagaimanapun, ada agensi yang membina teres di kawasan melebihi 3° kecerunannya untuk mengeksploitasi kesan-kesan positif teres. Teres dibina secara mekanikal dengan menggunakan jentolak.

Garis panduan pembinaan teres di kawasan berbukit, mengikut pengalaman industri adalah seperti berikut :

Cerun	Saiz teres
3° – 10°	4.8m – tanah dalam 4.2m – tanah cetek
10° – 25°	4.2m
> 25°	3.0 - 3.6m

- Jarak antara teres dibuat antara 7.8m – 9m. Bonggol berukuran 45cm tinggi dibina di dalam teres dengan jarak 20m.
- Teres perlu dipotong dengan nisbah kecerunan 1:10 atau 10%.
- Tanah yang dipotong dan dikeluarkan daripada lereng bukit untuk pembinaan bahagian luar teres hendaklah dimampatkan



Teres perlu dibuat mengikut spesifikasi untuk mendapatkan kesan yang positif



Jalan pertanian yang sistematik di kawasan bukit boleh meningkatkan efisiensi perhubungan

sepadat-padatnya supaya teres lebih kukuh dan mengelakkan berlakunya hakisan .

- Seberapa yang boleh, semua teres hendaklah bercantum dan jalan komunikasi hendaklah potong seberapa banyak teres yang boleh.
- Kepadatan maksimum teres biasanya tidak melebihi 1000m/hektar.
- Pembinaan jalan pertanian utama di kawasan berbukit sangat penting untuk mengeluarkan hasil dan menjalankan kerja pengurusan ladang yang lain. Panjang jalan yang perlu dibina biasanya antara 100m – 150m bagi setiap hektar tetapi bertambah di kawasan berbukit.
- Untuk mengurangkan kerosakan jalan oleh hakisan, saluran air/parit kecil dibina di belakang teres. Jalan di tempat membelok dibuat *superelevation* untuk keselamatan kenderaan membelok.
- Penanaman sawit dibuat pada jarak 90cm dari belakang teres 4.8m lebar, atau 60cm dari belakang teres 3.6m lebar jika laluan mesin/jentera diperlukan di dalam teres.
- Jarak tanaman di dalam teres dan jarak tanaman di antara teres kawasan berbukit perlu disesuaikan dengan kecerunan bagi mendapatkan kepadatan yang diperlukan.

Sumbangan: Mat Jamil Abd. Rahman

# PROFIL KOMODITI SAWIT

Industri sawit Malaysia masih lagi kekal sebagai satu sektor yang kukuh dan membantu mempertahankan ekonomi negara bagi tahun 1998 walaupun negara keseluruhannya menghadapi krisis ekonomi yang teruk. Pendapatan negara dari sektor ini adalah sebanyak RM22.5 bilion pada tahun tersebut. Ini merupakan satu pendapatan yang luar dari jangkauan kita semua. Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada pendapatan yang tinggi ini adalah i) harga minyak sawit yang tinggi di pasaran dunia, dan ii) pada masa yang sama, berlakunya penurunan nilai Ringgit Malaysia dari RM2.50 ke RM3.80 bagi setiap US\$1. Harga minyak sawit menjadi tinggi di pasaran dunia akibat daripada kekurangan hasil pengeluaran minyak dan lemak dunia, terutamanya minyak sawit dari negara pengeluar terbesar, Malaysia. Pengeluaran minyak sawit negara pada tahun 1998 telah menurun kepada 8.315 juta tan dari 9.068 juta tan pada tahun 1997 dan ini telah mengurangkan pengeluaran minyak sawit dunia pada tahun 1998. Akibatnya, harga minyak sawit meningkat tinggi dan mengatasi harga minyak dan lemak yang lain seperti minyak kacang soya. Daripada kejatuhan nilai ringgit dan harga minyak sawit yang tinggi di pasaran dunia, negara telah mengaut keuntungan menerusi hasil eksportnya. Ini disebabkan minyak sawit kita diniagakan dalam mata wang Amerika Syarikat dan pemulangan untuk negara kita akan menjadi tinggi apabila wang Amerika Syarikat ditukarkan pada mata wang Ringgit Malaysia.

Kedudukan yang kukuh ini dijangka akan berterusan dalam setengah tahun kedua 1999 walaupun hasilnya akan berkurangan sedikit. Harga minyak sawit dijangka akan menurun pada setengah tahun kedua 1999, berkemungkinan ke tahap RM1500 setan.

Harga purata bagi Januari hingga April 1999 sahaja sudah menunjukkan penurunan yang ketara, iaitu RM1870 setan, berbanding dengan RM2335 setan pada masa yang sama tahun 1998. Faktor utama yang boleh merendahkan harga ini ialah jumlah pengeluaran yang dijangka akan meningkat pada tahun 1999 iaitu ke 9 juta tan, berbanding dengan 8.315 juta tan pada tahun sebelumnya. Peningkatan yang begitu ketara ini dapat dilihat dalam empat bulan pertama 1999 di mana pengeluarannya berjumlah 2.666 juta tan berbanding dengan 2.331 juta tan pada masa yang sama tahun lepas. Memang sudah menjadi satu arah aliran biasa bagi pengeluaran sawit meningkat dalam setengah tahun kedua dan ini akan meningkatkan lagi pengeluaran tahunan ke tahap yang lebih tinggi. Situasi pengeluaran yang tinggi ini boleh menekan harga minyak sawit ke tahap yang lebih rendah lagi bagi masa setengah tahun kedua 1999.

Antara faktor lain yang boleh dikaitkan di sini ialah kedudukan stok sawit Malaysia yang agak tinggi pada masa empat bulan pertama 1999. Purata stok sawit pada masa tersebut ialah 734 140 tan berbanding dengan 677 853 tan pada masa yang sama tahun 1998. Ini berkemungkinan disebabkan jumlah eksport yang rendah (2.296 juta tan) berbanding dengan jumlah eksport pada masa yang sama tahun lepas (2.332 juta tan). Apabila eksport berkurangan maka bakinya akan menambahkan lagi jumlah stok yang ada. Ini mempengaruhi harga sawit dengan memberi tekanan kepada peningkatan harga.

Pada keseluruhannya, harga minyak sawit akan menjadi stabil pada tahun 1999. Walaupun harga telah melonjak tinggi pada tahun sebelumnya, kedudukan ini adalah sementara sahaja. Harga akan balik ke arah aliran asalnya dalam tahun 1999 ini.

BS

*Sumbangan: Ramli Abdullah*

## KEPADATAN TANAMAN SAWIT YANG OPTIMUM

### Pendahuluan

Industri sawit negara telah berkembang dengan pesatnya sejak awal tahun enam puluhan. Sejak itu, ramai pekebun kecil persendirian telah menanam sawit. Didapati juga tidak kurang yang telah menanam sawit mengikut sistem yang tidak betul. Setakat ini, sistem tanaman berbentuk tiga segisama dianggap cara terbaik untuk menyusun pokok-pokok sawit di ladang. Sistem penanaman ini dianggap terbaik kerana beberapa faktor pertumbuhan dan morfologi pokok sawit itu tersendiri. Dari segi morfologi, didapati bentuk kanopi sawit jika dipandang dari bahagian atas adalah berbentuk bulat.

Bentuk ini akan kekal sepanjang hayat kecuali pelepah tersebut dicantas. Berdasarkan sifat-sifat inilah, beberapa pengesyoran telah dibuat bagi menentukan rekabentuk yang paling sesuai untuk penanaman sawit. Kepadatan tanaman akan diukur dari segi jumlah pokok yang dapat dimuatkan ke dalam sesuatu unit kawasan dan ia dapat dibezakan melalui jarak tanaman. Jarak tanaman ini adalah berdasarkan keluasan kanopi pokok sawit yang secara langsung ditentukan oleh panjang pelepah. Jarak tanaman yang diterimapakai adalah berbeza dari 7.5m – 10m (25 – 33 kaki) dan berbentuk tiga segisama dan memberi

kepadatan antara 115 – 205 pokok sehektar. Dari maklumat yang diperolehi sehingga tahun 1970, kepadatan 143 pokok/hektar (jarak tanaman 9m tiga segi) adalah sesuai dan diterimapakai di merata dunia. Penentuan tahap optimum ini adalah berdasarkan jumlah hasil terkumpul selama 20 – 25 tahun tempoh pengeluaran hasil sawit. Daripada kefahaman ini, beberapa pengubahsuaian telah dibuat supaya ia selari dengan keadaan setempat.

Di dalam menentukan tahap kepadatan yang optimum, beberapa pertimbangan lain perlu diambilkira sebelum sesuatu keputusan dibuat. Sebagai pengusaha ladang, apa yang penting ialah melihat hasil maksimum diperolehi daripada sesuatu kawasan yang diusahakan. Untuk mencapai matlamat ini, hasil bukan sahaja dapat diraih melalui tanaman itu sendiri tetapi juga keuntungan

yang akan diperolehi daripada bidang usaha yang diceburi. M u n g k i n pengusaha ingin mendapatkan kombinasi yang terbaik umpamanya dengan mengadakan kombinasi tanaman lain. Ini dapat dicapai melalui tanaman bersepadu (*integrated farming*). I a b o l e h



*Untuk mendapatkan kepadatan optimum di kawasan bukit memerlukan pengelahuan, kemahiran dan pengalaman*

direalisasikan sama ada di peringkat awal penanaman atau pun direkabentuk supaya bertahan sepanjang hayat ekonomi sawit. Selama ini, kita telah didedahkan dengan potensi integrasi tanaman kontan dengan sawit. Begitu juga dengan potensi tanaman kekal seperti medang teja, rotan dan tanaman lain yang diintegrasikan dengan tanaman sawit. Integrasi ternakan juga telah mendapat perhatian yang begitu baik daripada kalangan penanam sawit. Ada juga idea supaya sistem tanaman kepadatan tinggi dibuat di peringkat awal penanaman dan kerja-kerja penjarangan dibuat seiring dengan tahap tumbesaran

pokok. Ini semua memerlukan kajian yang lebih lanjut bagi menentukan kepadatan tanaman sawit yang optimum supaya ianya seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Dalam menentukan kepadatan yang sesuai, beberapa faktor lain telah diambilkira bagi menentukan supaya pokok-pokok sawit ini dapat hidup subur sepanjang hayat dan mengeluarkan hasil yang paling maksimum dalam sesuatu unit kawasan. Faktor-faktor yang menentukan kepadatan sawit ialah:

- Bahan tanaman
- Cahaya matahari
- Jarak dan rekabentuk penanaman
- Amalan pertanian
- Tanah

### Bahan Tanaman

Kriteria terpenting dalam pemilihan bahan tanaman ialah dari segi hasil yang tinggi dan mutu minyak yang berkualiti serta mempunyai sifat renek. Pokok renek akan lebih mudah dituai. Sebagai bandingan, pokok renek mempunyai kadar pertumbuhan yang perlahan dan mempunyai pelepah yang lebih pendek. Ini memberi ruang untuk jarak tanaman pokok lebih rapat. Dengan itu, jumlah pokok yang akan ditanam adalah lebih banyak dan kepadatan yang lebih tinggi akan diperolehi.

### Cahaya Matahari

Cahaya matahari merupakan salah satu faktor terpenting bagi menentukan pertumbuhan pokok sawit supaya proses fotosintesis dapat berfungsi dengan optimum. Pokok-pokok yang terlindung daripada cahaya matahari dikenalpasti akan terjejas pertumbuhannya dan kurang mengeluarkan hasil. Kesan lindungan sesama sendiri didapati memberi kesan negatif secara langsung terhadap pembungaan dan pengeluaran buah. Penurunan hasil secara mendadak didapati berlaku di kawasan di mana pokok-pokok terlindung daripada cahaya matahari. Di kawasan yang terdedah kepada cahaya

matahari berlebihan pula disebabkan kepadatan yang lebih rendah atau pun jarak tanamannya yang jarang, akan ditumbuhi dengan rumput-rumpai yang perlu dihapuskan. Oleh itu, kepadatan yang optimum perlulah diwujudkan supaya ada keseimbangan dari segi pertumbuhan pokok-pokok sawit dan tumbuhan lain di sekitarnya.

### Jarak dan Rekabentuk Penanaman

Jarak tanaman yang terlalu rapat bukan sahaja akan menyebabkan pokok sawit kurang mendapat cahaya matahari tetapi juga nutrien dan air. Selain daripada itu, pokok-pokok sawit akan tumbuh lebih cepat, menirus, pengeluaran daun kurang dan pelepah didapati lebih panjang. Jarak tanaman yang sama tetapi disusun mengikut rekabentuk yang berbeza pula akan memberi kepadatan yang berlainan. Rekabentuk tiga segi akan memuatkan bilangan 1.155 kali ganda (15.5% lebih) berbanding dengan rekabentuk empat segi.

Sebagai contoh:

Jarak tanaman ialah 9 meter

1 hektar = 10 000 meter persegi

Menggunakan rekabentuk empat segi jumlah pokok dalam sehektar ialah

$$= \frac{10000 \text{ m}^2}{9\text{m} \times 9\text{m}}$$

$$= 124 \text{ pokok}$$


Menggunakan rekabentuk tiga segi, jumlah pokok dalam sehektar ialah

$$= 124 \text{ pokok} \times 1.155$$

$$= 143 \text{ pokok.}$$

Untuk mendapatkan kepadatan yang optimum, kerja-kerja pembarisan selalunya disiapkan lebih awal bagi menentukan kedudukan tanaman pokok-pokok sawit. *Rajah 1* menunjukkan rekabentuk tiga segi yang digunakan dalam penanaman kelapa

*bersambung di muka surat 12*



Rajah 1. Rekabentuk pembarisan di ladang sawit (jarak tanaman ialah 9 meter).

### Amalan Pertanian

Di kawasan yang berkepadatan tinggi, proses penjarangan yang berterusan adalah satu kaedah yang baik bagi menentukan kepadatan optimum sesuatu kawasan tanaman sawit. Dengan cara ini, hasil maksimum sesuatu kawasan akan sentiasa diperolehi walaupun jumlah pokok berkurangan. Kajian telah menunjukkan bahawa penjarangan pokok daripada 124 ke 99 pokok sehektar pada umur pokok 15 tahun telah menunjukkan pengurangan hasil secara sementara. Pada peringkat awal didapati berat tandan telah bertambah dan ini diikuti kemudian dengan

perlambatan bilangan tandan. Ringkasnya dapatlah dinyatakan, kepadatan tinggi akan memberikan hasil yang tinggi di peringkat awal sementara kepadatan rendah dari yang biasa tidak akan mengurangkan hasil di ladang yang telah berumur. Yang mustahak ialah kepadatan optimum untuk keseluruhan pusingan hayat sawit, dan apakah kesan kepadatan tinggi di peringkat awal ke atas hasil berikutnya di kawasan yang melalui atau pun tidak melalui proses penjarangan.

Jika memilih untuk mengamalkan integrasi, kepadatan optimum masih boleh dikekalkan. Pengubahsuaian boleh dilakukan ke atas rekabentuk penanaman sahaja. Umpamanya, dengan sistem tiga segi rekabentuk penanaman boleh diubah kepada apa yang dinamakan sistem tanaman *single* dan *double avenue*. Cara ini akan memberi ruang yang lebih luas supaya di antara satu atau dua barisan pokok sawit tadi ditanam dengan tanaman lain sepanjang hayat ekonomik sawit. Ini disebabkan antara barisan sawit tadi mempunyai lebih dedahan kepada cahaya matahari dan mampu untuk menampung keperluan cahaya matahari ke atas pokok-pokok lain yang ditanam di antara barisan sawit. Kawasan di antara barisan ini juga boleh digunakan untuk kawasan ragut jika integrasi ternakan hendak dijalankan.

Amalan integrasi ternakan masa kini telah menunjukkan bahawa ternakan masih boleh dipelihara di ladang sawit pada kepadatan tanaman yang sedia ada. Ini kerana rumpai yang sedia ada mampu dijadikan sumber makanan kepada ternakan berkenaan. Yang mustahak adakah kombinasi ini boleh diperbaiki lagi dengan mengubah kepadatan tanaman sawit supaya pulangan per unit kawasan dapat ditingkatkan.

Rekabentuk ladang juga akan mempengaruhi kepadatan sawit. Unsur-unsur seperti jalan pertanian, parit dan teres akan menentukan kepadatan. Lebih banyak unsur-unsur tersebut dibina maka semakin rendahlah kepadatan tanaman di kawasan berkenaan. Sebagai contoh kawasan berbukit memerlukan jalan yang lebih banyak berbanding dengan kawasan rata (Jadual 1).



Kepadatan yang optimum menentukan potensi tanah di eksplorasi sepenuhnya

JADUAL 1. KEPERLUAN JALAN PERTANIAN LADANG SAWIT

Rupabumi	Keperluan jalan (meter/hektar)	Luas diperlukan untuk setiap 5 hektar kawasan (hektar) *
Rata	75 - 90	0.145 - 0.171
10 - 30% bukit	110 - 130	0.209 - 0.247
30 - 50% bukit	130 - 150	0.247 - 0.285
50 - 80% bukit	150 - 170	0.285 - 0.323
80 - 100% bukit	180 - 200	0.342 - 0.380

\* Andaian lebar jalan 3.8m

### Tanah

Secara am, sawit sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah. Dari segi menentukan kepadatan, jarak tanaman sawit boleh dibahagikan mengikut tiga kategori tanah iaitu tanah lanar pantai (coastal alluvial), tanah pedalaman (inland sedentary) dan tanah marginal (gambut, berpotensi asid sulfat, bekas lombong, laterit dan lain-lain). Tanah-tanah tersebut mempunyai tahap kesuburan yang berlainan. Kelainan ini telah menyebabkan prestasi pokok-pokok sawit juga berlainan. Umumnya, pokok yang ditanam di kawasan yang subur akan tumbuh lebih baik dan mempunyai pelepah yang lebih panjang berbanding dengan yang ditanam di tanah yang kurang subur. Berdasarkan kategori ini, kepadatan optimum yang diterimapakai buat masa ini adalah seperti berikut:

Kategori tanah	Jarak tanaman (tiga segi sama)	Kepadatan optimum (pokok sehektar)*
Tanah lanar pantai	9.1m x 9.1m x 9.1m	138
Tanah pedalaman	8.7m x 8.7m x 8.7m*	148
Tanah gambut	8.5m x 8.5m x 8.5m	160

\*Jarak tanaman di kawasan berbukit pula berbeza mengikut kecuraman mukabumi. Berpandukan kepadatan tanaman 148 pokok/hektar jarak mendatar tanaman yang diamalkan masa kini adalah seperti berikut:

Jarak tanaman dalam teres (meter)	Jarak antara teres (meter)
6.7	10.0
7.0	9.4
7.3	9.1
7.6	8.8
7.9	8.5
8.2	8.2
8.5	7.9
8.8	7.6
9.1	7.3

Jarak minimum antara pokok di dalam teres mestilah tidak kurang dari 6.7 meter. Ini untuk mengelakkan pokok tumbuh menirus (*etiolated*) disebabkan kurang mendapat dedahan cahaya matahari.

### Kesimpulan

Matlamat menanam sawit dengan kepadatan yang optimum adalah untuk mendapatkan hasil yang maksimum daripada sesuatu kawasan. Kepadatan yang optimum bagi sesuatu kawasan pula bergantung pada faktor-faktor kesuburan tanah dan kecuraman bukit. Penanaman tiga segi sama adalah paling sesuai untuk menanam sawit secara tunggal. Oleh yang demikian, penanam-penanam sawit perlu mengamalkan kepadatan tanaman yang optimum.

Sumbangan: Hj. Esnan Ab. Ghani



# Kemusykilan Penanam Sawit

soalan yang dipetik daripada talian hotline sawit

1. Soalan: Bagaimanakah caranya untuk mengawal babi hutan yang merosakkan anakbenih sawit yang baru ditanam?

*Jawapan:* Tidak ada kajian yang khusus dijalankan untuk mengawal serangan babi hutan. Walaubagaimana pun melalui pengalaman penanam-penanam sawit lain, langkah-langkah berikut boleh dicuba:

- Tembak babi tersebut.
- Pasang zink keliling anak sawit.
- Gali parit perangkap di laluan utama babi masuk ke kebun (contoh: yang bersempadan dengan hutan).
- Tanam anakbenih lanjutan berumur 15-18 bulan dan potong runcing pelepah-pelepah bahagian bawah supaya mencucuk bahagian hidung babi.
- Tabur rambut di pangkal pokok kerana dipercayai hidung babi sangat sensitif kepada rambut.
- Buat 'orang-orangan' menggunakan beg plastik baja yang bersinar pada waktu malam.
- Buat pagar elektrik / pagar yang kukuh.

2. Soalan: Pada masa ini terdapat beberapa jenis baja berbentuk cecair yang dijual di pasaran. Apakah pendapat PORIM mengenai keberkesanan baja ini?

*Jawapan:* PORIM pada masa ini masih lagi memantau keberkesanan baja jenis ini. Oleh itu, penanam dinasihatkan supaya berhati-hati sebelum menerimanya guna pengesyoran

baja berbentuk cecair daripada mana-mana pihak yang membekalnya. Pastikan pihak yang menjual dapat membuktikan kesan ke atas pengeluaran hasil sawit apabila dirawat dengan baja tersebut. Kesan hasil ke atas sawit yang ditunjukkan mestilah sekurang-kurangnya dua tahun selepas rawatan dibuat. Ini kerana kesan baja ke atas hasil sawit dianggarkan mengambil masa antara 18 - 24 bulan iaitu bermula daripada peringkat permulaan bunga hingga ke peringkat tandan masak.

3. Soalan: Apakah kebaikan dan keburukan membakar longgokan pelepah sawit yang dipangkas?

*Jawapan:* PORIM tidak mengesyorkan membakar longgokan pelepah sawit yang dipangkas. Adalah disyorkan longgokan pelepah tersebut dibiarkan reput secara semulajadi. Dengan berbuat demikian, semua nutrien yang ada di dalam pelepah akan dikembalikan semula ke dalam tanah melalui proses mineralisasi, di samping mengembalikan semula bahan organik yang banyak. Tindakan sedemikian boleh memperbaiki sifat fizikal dan kimia tanah. Sekiranya pelepah tersebut dibakar, nutrien penting seperti nitrogen akan terlepas ke udara dalam bentuk gas. Di samping itu, pembakaran akan meninggalkan sedikit bahan organik. Membakar secara terbuka juga boleh melecurkan pelepah sawit dan merosakkan akar di permukaan tanah serta membahayakan ladang dan menyalahi peraturan Jabatan Alam Sekitar.

*Sumbangan: Idris Hj. Omar*

BS

# SEDUTAN AKHBAR

## KEMENTERIAN KESIHATAN DAN PORIM KAJI SANTAN SAWIT

Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan Instituti Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) menilai faedah penggunaan santan sawit yang merupakan penemuan terbaru PORIM.

Hasil kajian selama dua tahun yang dijalankan telah membuahkan hasil yang memberangsangkan apabila kari daripada santan sawit didapati lebih enak daripada santan kelapa biasa. Tambahan pula, santan ini bebas daripada kolesterol LDL yang menjadi penyebab sakit jantung dan darah tinggi; sebaliknya, ia mengandungi kolesterol HDL yakni bahan yang diperlukan dalam sistem peredaran badan.

*Utusan Malaysia, 5 Januari 1999*

## KOMODITI TETAP CATAT HARGA LEBIH TINGGI

Kejatuhan harga minyak sawit hasil daripada pengeluaran minyak soya secara besar-besaran tidak menghalang komoditi ini mencatatkan harga lebih tinggi berbanding minyak dan lemak lain di pasaran dunia. Menurut Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, dengan adanya kelebihan dari segi teknikal untuk kegunaan industri makanan dan sebagainya, minyak sawit mempunyai daya saing di pasaran dunia.

Bagaimana pun, harga minyak sawit tidak boleh menjadi terlalu mahal berbanding minyak dan lemak lain supaya pengguna global tidak beralih kepada bahan lebih murah. Isu ini adalah perlu diambil perhatian oleh pengeksport bahan kerana jika harga sawit terus mencatatkan harga premium terlalu lama di pasaran dunia, ditakuti pengguna akan beralih kepada minyak lain.

*Berita Harian, 3 Februari 1999*

## PROSPEK SEKTOR PERTANIAN LEBIH BAIK

Prospek sektor pertanian bagi akhir tempoh RMK7 dijangka jauh lebih baik berbanding tempoh kajian semula. Menurut kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK 7), jangkaan ini berasaskan beberapa faktor seperti harga yang lebih baik, pemulihan sektor pekebun kecil kelapa sawit dan perluasan kawasan produktif kelapa sawit.

Pembangunan pertanian akan ditumpukan kepada pemodenan sektor pertanian sebagai pengeluar makanan dan bahan mentah yang mempunyai nilai tambah tinggi. Pembangunan tanah *in situ* akan diperluaskan meliputi kawasan 120 000 hektar dengan 98 000 hektar dimajukan di bawah program tanaman semula, manakala 22 000 hektar di bawah program penyatuan dan pemulihan tanah.

*Utusan Malaysia, 23 April 1999*



# DARI DAPUR PORIM.....

## KEK KEJU BERYOGURT

### *Bahan-bahan:*

- 100g biskut Marie
- 50g marjerin berasaskan sawit
- 2 biji lemon
- 10g serbuk gelatin
- 60ml air panas
- 250g krim keju
- 100g gula ising
- 175ml susu sejat
- 220g yogurt buah aprikot



### *Cara membuatnya:*

1. Hancurkan biskut dan gaul dengan marjerin. Tekan ke dalam bekas loyang dan sejukkan di dalam peti sejuk.
2. Parut buah lemon dan perahkan jusnya. Gelatin dicampurkan ke dalam air panas. Letakkan kedua-dua bahan ke tepi dahulu.
3. Biarkan krim keju lembut dengan suhu biasa kemudian pukul sehingga kembang. Tambahkan gula, jus lemon dan parutannya ke dalam adunan dan terus pukul sehingga kembang. Masukkan air gelatin (tanpa putus) semasa sedang memukul bahan tadi. Kemudian tambahkan susu dan yogurt. Henti pukul bila adunan mesra.
4. Tuang adunan tersebut ke dalam bekas loyang yang berisi adunan biskut yang disejukkan tadi, dan simpan di dalam peti sejuk semalaman. Sedap dimakan bersama buah-buahan segar yang dipotong kecil.

SELAMAT MENCUBA.....

*Sumbangan: Wan Azwati Wan Mohamed*

**Nota:** Sekiranya anda mempunyai resepi-resepi yang berasaskan penggunaan bahan sawit, sila hantarkan kepada Berita Sawit. Hadiah saguhati menunggu anda.



# TAHUKAH ANDA

Pada masa ini terdapat 16 pusat pembiakbaka sawit yang diiktiraf oleh SIRIM dan dilesenkan oleh PORLA. Penanam boleh membeli bijibenh daripada pusat-pusat ini. Sekiranya penanam membeli anakbenih daripada tapak semaian, pastikan tapak semaian tersebut mendapat bekalan bijibenh daripada pusat ini melalui sijil yang dikeluarkan oleh PORLA. Nama, alamat dan nombor telefon pusat-pusat tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Agrocom Enterprise Sdn. Bhd.  
493-A, Jalan Pasir Putih  
31650 Ipoh, Perak.  
Tel: 05-2417781
- 2) Applied Agricultural Research Sdn. Bhd.  
Beg Berkunci 212  
47000 Sungai Buloh,  
Selangor.  
Tel: 03-6561152/ 1955
- 3) EPA Management Sdn. Bhd.  
Ulu Tiram Estate  
Karung Berkunci No. 705  
80900 Johor Bahru, Johor.  
Tel: 07-8611611
- 4) Golden Hope Oil Palm Research Station  
P.O. Box 207  
42700 Banting, Selangor.  
Tel: 03-8502311
- 5) Guthrie Plantation & Agricultural

Services Sdn. Bhd  
Guthrie Research  
Chemara  
70990 Seremban  
Negeri Sembilan.  
Tel: 06 - 7655313/ 306

(6) Highlands Research Unit Sdn. Bhd.  
P.O. Box 2009, Jalan  
Langat  
41990 Klang, Selangor.  
Tel: 03-3232615/ 144

7) Industrial Oxygen Incorporated  
Pusat Penyelidikan IOI  
73309 Batang Melaka  
Negeri Sembilan.  
Tel: 06 - 4317323/ 334/  
366

8) Pamol Plantations Sdn. Bhd.  
Batu 8 1/2, Jalan Mersing  
86000 Kluang, Johor.  
Tel: 07-7875121/ 00

9) Pamol Plantations (Sabah) Sdn. Bhd.  
P.O. Box 203  
90702 Sandakan, Sabah.  
Tel: 089 - 511644

10) Felda Agricultural Services Sdn. Bhd.  
Tingkat 7 Balai Felda  
Jalan Gurney 1,  
54000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2987772

11) Sime Darby Ebor Research  
Peti Surat 7202  
40706 Shah Alam  
Selangor.  
Tel: 03 - 5590237/1726

12) Stesen Penyelidikan PORIM Kluang  
Km 11, Jalan Johor  
Tenggara  
Beg Berkunci 532  
86009 Kluang, Johor.  
Tel: 07-7891133/ 4

13) Stesen Penyelidikan PORIM Lahad Datu  
Beg Berkunci No. 4  
91109 Lahad Datu, Sabah.  
Tel: 089-882400

14) Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun  
Km 50, Jalan Labuk  
P.O. Box 1401  
90715 Sandakan, Sabah.  
Tel: 089-511831/ 2

15) United Plantations Berhad  
Bahagian Penyelidikan Ladang Jenderata  
36009 Telok Intan, Perak.  
Tel: 05-6411411

**Nota:** Maklumat di atas adalah tepat semasa dicetak.

**T**uhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu

sendiri yang mengubahkannya. Itulah di antara firman Allah S.W.T dalam Al-Quran yang menjadi pegangan hidup peladangjaya kita kali ini. Beliau yang dimaksudkan ialah Tn. Hj. Sohod Hj. Omar yang berasal dari Batu 38, Sabak Bernam, Selangor. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Arab dan tamat peringkat rabik Thanawi. Berumur 57 tahun dan kini memiliki 14.4 hektar kebun sawit atas berkat usaha dan dengan izin Allah. Tanaman sawit beliau terbahagi kepada beberapa peringkat umur iaitu 3.2 hektar tanah kurnia yang sedang ditanam semula dengan sawit, enam hektar sawit berumur 13 tahun berasal dari tanah pusaka dan 5.2 hektar lagi sawit berumur enam tahun yang dibelinya sendiri hasil daripada keuntungan yang diperolehi daripada tanaman sawit beliau.


Menceritakan balik pengalaman muda beliau, adalah saat-saat yang begitu mencabar dalam hidupnya. Selepas tamat persekolahan pada tahun 1967, beliau menganggur selama dua tahun sebelum memulakan karier sebagai penanam sawit pada tahun 1969 dengan menjadi peneroka di Rancangan Tanah Belia, Merbau Berdarah II, Sungai Panjang, Selangor dengan keluasan kebun sawit sebanyak 3.2 hektar. Di samping itu, beliau juga memiliki sekeping tanah peninggalan orang tuanya di Hulu Selangor seluas enam hektar. Ia ditanam dengan koko pada tahun 1974.

Beliau terpaksa berulang-

## PELADANG JAYA

# Al-Quran Inspirasi Perubahan

- Tn. Hj. Sohod  
Hj. Omar



alik lebih kurang 100km untuk menguruskan kedua-dua kebun tersebut. Berkat ketabahan beliau dalam membahagikan masa, beliau berjaya mengendalikannya walaupun ada ketikanya terpaksa berjauhan dengan keluarga. Usahanya yang tidak mengenal penat berjaya mendapatkan pulangan yang besar kerana ketika itu hasil koko yang diperolehinya begitu lumayan sekali. Beliau pernah mengutip hasil dengan memperolehi pendapatan sebanyak RM1500 seminggu. Tetapi apabila harga koko menurun pada tahun 1981, beliau telah menebang tanaman

koko tersebut dan menukarkannya kepada tanaman sawit dalam tahun 1982. Disebabkan beliau seorang yang sentiasa beringat, beliau telah dapat menyimpan sejumlah wang daripada punca hasil koko dahulu. Ibarat kata pepatah, 'Berjimat selagi ada, beringat sebelum habis'. Oleh itu, semua kos tanam semula koko kepada sawit menggunakan wang simpanan beliau. Hasil sawitnya telah mula dikutip pada tahun 1985. Sehingga kini, beliau begitu berbangga walaupun sebagai pekebun kecil persendirian, beliau masih mampu mendapat hasil sawit melebihi 25 tan sehektar setahun secara purata daripada kesemua ladang sawitnya.

Bagi kerja-kerja di ladang, beliau membuatnya sendiri dengan bantuan lima orang pekerja. Kerja-kerja memangkas pelepah dibuat setiap kali memotong buah tandan segar (BTS) dijalankan dengan meninggalkan dua pelepah di bawah tandan sawit terakhir. Selain daripada itu, beliau juga memotong pelepah di semua kawasan ladang sekali setahun pada waktu musim melawas. Dari segi kerja meracun pula, beliau mengguna racun *glyphosate* untuk membasmi lalang dan racun *paraquat* untuk rumpai-rumpai am. Beliau menggunakan dua jenis alat penyembur racun iaitu *knapsack sprayer* dan *mistblower*. Bagi kerja kerja membaja pula, beliau melakukan sebanyak 3 - 4 kali setahun dengan menggunakan baja sebatian 12:12:17:2 + TE.

Dari segi prasarana ladang pula, beliau mementingkan kualiti jalan pertanian. Tanpa jalan yang sempurna hasil sawit tidak dapat dikeluarkan dengan



*Tuan Hj Sohud bersama keluarga di rumah barunya*

sepenuhnya. Kerja-kerja menaikkan taraf jalan pertanian kerap dibuat setiap kali berlaku kerosakan terutama pada musim hujan. Beliau akan menyewa sebuah jentera untuk membaiki jalan pertanian yang rosak.

Dalam kerja penuaian, beliau memotong BTS sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Bayaran upah kepada pekerja-pekerja adalah berdasarkan sistem insentif. Kadar upah akan lebih tinggi sekiranya mereka mengeluarkan BTS yang berkualiti seperti buah sawit yang betul-betul masak, tiada buah muda, tangkai tandan dipotong pendek dan sebagainya, di samping kuantiti BTS yang dikeluarkan dalam sehari. Ini bermakna, semakin banyak BTS yang berkualiti dapat dikeluarkan bertambahlah upah yang diperolehi oleh pekerja-pekerjanya. Tandan sawit yang dituai berserta buah lerai dipastikan dihantar ke kilang dalam masa 24 jam. Ini dapat dilakukan kerana beliau memiliki sebuah lori muatan tiga tan yang dipandunya sendiri. Setakat ini kata beliau, "Semua BTS yang dihantar ke kilang, jarang yang dipotong beratnya atas sebab-sebab kualiti landan yang rendah seperti tangkai panjang, buah muda dan sebagainya. Puncanya apa? Haa...buah sawit yang pakcik hantar ke kilang okey semuanya" kata beliau dengan bersemangat sekali. Ini disebabkan beliau ada membuat greeding BTS semasa di ladang sebelum dihantar ke kilang. "Dengan harga sekarang RM430 setan, hasil yang diperolehi begitu lumayan", kata beliau dengan wajah ceria.

Ketika ini, beliau sedang giat menjalankan tanam semula sawit di ladang beliau di Tanah Belia Merbau Berdarah II secara berperingkat dan kini cuma tinggal lebih kurang satu hektar sahaja lagi yang belum ditebang. Pokok sawit yang mula-mula ditanam baru berumur enam bulan.

Selain daripada itu, beliau juga ada menanam pisang seperti pisang berangan dan pendapatannya memuaskan. Beliau juga memiliki dusun buah-buahan seluas satu hektar di Sungai Jang, Kuala Kubu, Kuala Selangor yang ditanam dengan durian, dokong, pulasan, rambutan dan cempedak.

Menyingkap kembali kehidupan beliau selain daripada menumpukan kepada tanaman sawit, beliau juga pernah menjadi Imam di Masjid Jamek Sabak Bernam, Selangor selama 18 tahun. Beliau juga bergiat aktif dalam UMNO dan pernah dianugerahkan pingat PJK oleh Sultan Selangor. Beliau juga ada membuat perniagaan *catering* bersama isterinya terutama untuk majlis kenduri kahwin, majlis keramaian dan sebagainya untuk menambahkan lagi pendapatannya. Tegasnya, beliau seorang yang ringan tulang dan tidak boleh duduk diam.

Hasil perkongsian hidup bersama isterinya selama 34 tahun, beliau telah dikurniakan empat orang cahayamata. Puteri yang sulung berumur 26 tahun sudah berumahtangga. Putera kedua berumur 24 tahun telah berjaya memperolehi Ijazah Komunikasi daripada Universiti Islam Antarabangsa. Manakala putera ketiga masih bersekolah menengah di tingkatan tiga dan yang terakhir seorang puteri berumur 10 tahun. Sesungguhnya perjuangan beliau dalam sektor pertanian telah membuahkan hasil. Tanpa pengorbanan masa dan keringat, beliau tidak mungkin mencapai kejayaan yang diperolehinya setakat ini. Beliau telah dapat mengubah kehidupannya yang susah pada masa lalu kepada keadaan yang agak selesa pada masa kini.

*Sumbangan: Basri Bakar/Sulaiman Muhammad/  
Moktarudin Ahmad*

BS

### JAWAPAN KUIZ SAWIT

1. Lima tahun ke atas
2. 1 ekor/ 2 hektar
3. 1 : 15
4. RM400 - RM750 (bergantung pada jenis lembu dan umur sawit)
5. i) PS1 (pokok renek)  
ii) PS2 (nilai IV tinggi)  
iii) PS3 (isirong yang lebih)

BS

*Sumbangan: Basri Bakar*